



## Persepsi politik dan kepimpinan di kawasan Parlimen (P152) Kluang, Johor

Mohd Fuad Mat Jali<sup>1</sup>, Junaidi Awang Besar<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mohd Fuad Mat Jali (email: fuad@ukm.my)

### Abstrak

Kluang merupakan kawasan bandar yang mengalami proses perbandaran yang pesat dengan aktiviti ekonomi dan aktiviti penduduknya. Kepesatan dan kemajuan ekonomi di Kluang telah mempengaruhi persepsi pengundi terhadap politik dan kepimpinan setempat dan negara. Dalam aspek pendapat politik, 95.0 peratus di kalangan responden menyokong program Kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan negara dan 83.2 peratus menyatakan gagasan "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" disokong dan dihayati oleh responden. Dari aspek pengurusan awam pula, 86.3 peratus responden menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan Menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap Kerajaan dan polisi/pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat (80.2 peratus). Parti politik yang akan diundi pada pilihan raya umum akan datang ialah BN (60.8 peratus) dan DAP (39.2 peratus). Justeru, artikel ini akan merungkai pandangan politik dan kepimpinan di kawasan kajian.

**Katakunci:** bandar, kemajuan ekonomi, kerajaan, persepsi, politik, pengurusan awam

### Political perceptions and leadership in the Parliament (P152) Kluang, Johor

#### Abstract

Kluang is an urban area experiencing rapid urbanization with economic activity and population activities. The rapid growth and economic development in the Kluang have influenced voter's perceptions of political and local and national leadership. In terms of political opinion, 95.0 per cent of respondents support the government in strengthening the national development agenda, and 83.2 percent said the idea of "1 Malaysia: People First, Performance Now" is supported and understood by the respondent. From the aspect of public management, 86.3 percent of respondents said the Key Performance Indicator (KPI) for elected representatives and the minister is good and influence public support for the government and the policy/changes made by the leadership of Prime Minister in leading the development of the country continue to support the people (80.2 per cent). Political parties that will be voted on at the next general election is the BN (60.8 percent) and DAP (39.2 percent). Therefore, this article will unleash political views and leadership in the study area.

**Keywords:** cities, economic development, government, perception, politics, public management


#### Pengenalan

Kawasan persekitaran bandar lazimnya mengalami pembangunan yang pesat dengan aktiviti sosioekonomi penghuni bandar yang berterusan. Urbanisasi/perbandaran memberi kesan positif kepada

taraf hidup rakyat namun mengakibatkan kesan negatif kepada iklim mikro bandar jika tidak ditangani dengan baik dan sistematik serta berperancangan. Dalam artikel ini, kawasan Parlimen Kluang (P152) yang merupakan lokasi kajian, mempunyai seramai 71,233 pengundi yang mewakili 37.9 peratus Melayu, 52.4 peratus Cina, 9.0 peratus India dan selebihnya kaum-kaum lain. Ia mempunyai dua DUN iaitu Mengkibol (25.50 peratus Melayu, 61.40 peratus Cina dan 12.98 peratus India) dan Mahkota (50.01 peratus Melayu, 43.48 peratus Cina dan 5.04 peratus India). Pada pilihan raya umum 2008, BN memenangi kawasan ini dengan majoriti sebanyak 3781 undi mengalahkan calon Pakatan Pembangkang/Pakatan Rakyat (DAP). Sehubungan itu, persoalannya apakah isu-isu persekitaran bandar dan penyelesaiannya yang menjadi perbualan penduduk di Kluang. Bagaimana pula dengan pengaruh keadaan politik semasa dan apakah isu yang dibangkitkan oleh responden dan sejauhmanakah ia mempengaruhi pilihan politik mereka. Begitu juga persoalan kriteria dan calon mana yang mereka pilih dan akhirnya apakah parti yang menjadi pilihan mereka pada hari mengundi kelak.

### Kawasan Parlimen Kluang

Dari segi lokasi geografi persekitaran, kawasan Parlimen Kluang terletak di bahagian paling tengah negeri Johor yang bersempadankan kawasan Parlimen Sembrong di bahagian utara, Parlimen Simpang Renggam di selatan dan Parlimen Ayer Hitam di bahagian barat (Lihat Peta 1).



Sumber: <http://www.drimitiyaz.my/johor.html>

Peta 1. Lokasi Parlimen (P152) Kluang, Johor

Kawasan Parlimen Kluang (P152) mempunyai seramai 71,233 pengundi yang mewakili 37.9 peratus Melayu, 52.4 peratus Cina, 9.0 peratus India dan selebihnya kaum-kaum lain. Ia mempunyai dua DUN iaitu Mengkibol (25.50 peratus Melayu, 61.40 peratus Cina dan 12.98 peratus India) dan Mahkota (50.01 peratus Melayu, 43.48 peratus Cina dan 5.04 peratus India). Pada pilihan raya umum 2008, kawasan ini dimenangi oleh calon YB Dr Hou Kok Chung dari BN dengan memperolehi 27,970 undi mengalahkan calon DAP (Ng Lam Hua) dengan majoriti 3,781 undi dan peratusan keluar mengundi ialah 76.6 peratus. Kawasan Parlimen Kluang berkeluasan 248.99 km persegi yang mempunyai 37 kawasan daerah mengundi iaitu 20 kawasan daerah mengundi dalam DUN Mengkibol yang merangkumi Ladang Coronation, Pekan Sri Lalang Barat, Pekan Sri Lalang Timor, Ladang Mengkibol, Mengkibol Barat,

Mengkibol Timor, Taman Kurnia, Bakar Sampah, Lambak, Yap Tau Sah, Yap Tau Sah Timor, Padang Tembak, Jalan Mersing, Jalan Johor Tenggara, Kluang Layang, Ladang Lambak, Ladang Elaeis, Ladang Bukit Benut, Kampung Gunung Lambak dan Taman Megah; dan 17 kawasan bagi DUN Mahkota iaitu meliputi daerah mengundi Kampong Melayu Timor 2, Kampong Tengah, Kampong Paya Timor, Kampong Paya Barat, Kampong Melayu 1, Kampong Melayu Timor, Kampong Melayu 2, Taman Lian Seng, Haji Manan, Mesjid Lama, Bandar Tengah, Taman Ilham, Dorset, Taman Berlian, Jalan Hospital, Taman Kerjasama dan Kampung Baru. Parlimen Kluang meliputi keseluruhan kawasan Bandar Kluang (Bandar Tengah dan Haji Manan); pekan moden/baru (Pekan Sri Lalang) kawasan pinggir bandar (Kampong Melayu dan Mesjid Lama); estet kelapa sawit (Ladang Coronation, Ladang Bukit Benut dan Ladang Lambak); kawasan taman perumahan (Taman Lian Seng, Taman Kerjasama, Taman Kurnia, Taman Ilham dan Taman Berlian); kawasan perkampungan tradisi Cina (Yap Tau Sah) dan kawasan perkampungan tradisi Melayu (Kampong Paya dan Padang Tembak). Pekerjaan penduduk di kawasan tersebut merangkumi kakitangan kerajaan dan swasta, kerja kilang, pekerja lading/estet, kerja sendiri dan peniaga.

Jika ditinjau dari aspek sejarah politik dan pilihan raya, kawasan Parlimen Kluang (dahulunya dikenali sebagai Johor Tengah (PRU 1955) dan Kluang Utara pada Pilihan Raya Umum/PRU 1959) merupakan kawasan yang dikuasai Perikatan/Barisan Nasional turun-temurun sejak pilihan raya umum 1955 hinggalah pada PRU 2008. Bermula dengan pilihan raya umum 1955, kawasan ini dikenali sebagai kawasan Johor Tengah telah dimenangi oleh calon Perikatan (kini BN) iaitu Teo Chze Chong daripada MCA yang memperolehi 7,100 undi, mengalahkan calon Parti Negara (Hj Anwar Hj Abdul Malik) yang mendapat 1,068 undi dengan majoriti 6,032 undi. Berikutnya pada pilihan raya umum 1959 (dikenali sebagai Kluang Utara), kemenangan Perikatan diteruskan lagi oleh Lee San Choon yang memperolehi 5,985 undi mengenyahkan calon Socialist Front/SF iaitu Wee Lee Fong (4,530 undi) dengan majoriti 1,455 undi. Seterusnya dalam pilihan raya umum 1964, calon Perikatan melalui Tiah Eng Bee menang dengan memperolehi 9138 undi menewaskan calon Socialist Front/Barisan Sosialis (Lee Ah Leng/6,674 undi) dan calon People Action Party/PAP iaitu Lai Tha Chai (1,276 undi) dengan majoriti 2,464 undi. Kemudian dalam pilihan raya umum 1969, kawasan ini masih dimenangi Perikatan melalui penyandangannya (Tiah Eng Bee/8937 undi) yang menumpaskan calon Democratic Action Party/DAP iaitu Lee Kaw (7914 undi) dengan majoriti 1023 undi.

Seterusnya pada pilihan raya umum 1974, kawasan ini dikenali sebagai Kluang yang secara berterusannya dimenangi Barisan Nasional/BN (dahulunya Perikatan) melalui calonnya Loh Fook Yen (13,247 undi) yang mengalahkan calon DAP, Lee Kaw (11,223 undi) dengan majoriti 2,024 undi. Namun pada pilihan raya umum 1978, DAP berjaya merampas kerusi kawasan ini melalui calonnya yang bertanding buat kali ketiga iaitu Lee Kaw yang memperolehi 16,887 undi menewaskan penyandangannya daripada BN Dato Loh Fook Yen (15,215 undi) dan calon PAS (Abu Bakar Kathom/679 undi) dengan majoriti 1,672 undi. Seterusnya dalam pilihan raya umum 1982, BN berjaya merampas semula kawasan yang pernah dimenanginya pada PRU 1974 melalui calonnya yang merupakan muka baru iaitu Quah Wee Liam yang memperolehi 23,760 undi menewaskan penyandang daripada calon DAP iaitu Lee Kaw (17,107 undi) dengan majoriti sebanyak 6,653 undi. Pada pilihan raya umum 1986, BN terus menjadi *status quo* di kawasan tersebut dengan calonnya Ling Towi Seng@Ling Chooi Sieng yang memperolehi 22,891 undi mengalahkan calon DAP iaitu Lee Kaw (20,882 undi) dan calon PAS iaitu Hj. Abu Hassan Umat@Ahmad (1,149 undi) dengan majoriti 2,009 undi. Dalam pilihan raya umum 1990, BN melalui calonnya Kang Chow Oh (29,698 undi) menang mengenyahkan calon DAP iaitu Ng Wei Siong (24,860 undi) dengan majoriti 4,838 undi. Seterusnya pada pilihan raya umum 1995, BN melalui muka baru iaitu Hoo Seong Chang (30,097 undi) menang menumpaskan calon DAP iaitu Lim Ser Ho (11,014 undi) dengan majoriti 19,083 undi. Tradisi kemenangan BN diteruskan oleh penyandang (Hoo Seong Chang) pada PRU 1999 yang memperolehi 30,540 undi dengan majoriti 18,370 undi mengalahkan calon DAP iaitu Chew Peck Choo (12,170 undi). Pada pilihan raya umum 2004, BN menerusi calonnya yang bertanding dan menang 3 kali berturut-turut iaitu Hoo Seng Chang (33,001 undi) menewaskan calon DAP iaitu Ng Lam Hua/14,303 undi dengan majoriti 18,698 undi. Pada pilihan raya umum ke-12 (2008), calon BN yang juga merupakan muka baru iaitu Dr. Hou Kok Chung menewaskan calon DAP iaitu Ng Lam

Hua/24,189 undi dengan majoriti 3,781 undi (Laporan Pilihan Raya Umum Tanah Melayu/Malaysia 1955-2008).

## Metod dan persampelan

Beberapa kaedah digunakan untuk mencapai tujuan kajian. Data primer diperolehi melalui kaedah kaji selidik di kawasan kajian terhadap responden melalui satu set soalselidik. Kaji selidik dijalankan oleh tiga ketua pembanci dan dibantu oleh lapan lagi pembanci (kesemuanya seramai 11 orang pembanci). Kajian ini bermula pada 21 Januari 2011 dan berakhir 27 Februari 2011. Temubual juga diadakan dengan pimpinan tempatan di samping pengumpulan data sekunder daripada penyelidikan di perpustakaan, bahan bercetak, akhbar, laman blog, akhbar parti dan bahan bercetak lain. Kajian di lapangan/soalselidik dilakukan di 22 kawasan daerah mengundi dalam Parlimen Kluang. Data yang dikumpul dikoding serta dianalisis melalui kaedah statistik mudah (frekuensi/peratusan dan ujian crosstab/taburan silang). Jumlah besar sampel yang ditemubual ialah 1519 orang. Mereka dipilih secara rawak mudah bertujuan. Sampel dipilih daripada kawasan daerah mengundi dalam DUN Mengkibol dan Mahkota. Mereka juga dipilih mengikut kawasan bandar dan luar bandar serta mengikut daerah mengundi. Antara soalan yang ditanyakan ialah latar belakang demografi, pembangunan setempat; ciri-ciri calon yang diinginkan; penilaian prestasi program dan kepimpinan; pola politik; keperluan semasa dan menanyakan parti mana menjadi pilihan mereka pada hari mengundi kelak. Jumlah besar sampel yang ditemu bual mengikut kaum ialah Melayu 56.7 peratus dan kaum Cina 31.6 peratus dan India 10.9 peratus dengan 48.6 peratus lelaki 51.4 peratus perempuan yang terdiri daripada pengundi. Sampel dipilih daripada DUN Mengkibol (46.2 peratus) dan Mahkota (53.8 peratus). Daripada jumlah keseluruhan responden tersebut juga, 60.2 peratus adalah bujang, 38.6 peratus responden sudah berkahwin, dan masing-masing 0.6 peratus ibu tunggal, 0.5 peratus duda serta 0.1 peratus adalah balu. Dari segi tahap pendidikan responden pula, 67.9 peratus adalah berkelulusan sekolah menengah, 24.3 peratus (universiti), 5.3 peratus sekolah rendah dan 2.5 peratus adalah tidak bersekolah, manakala bagi pekerjaan responden pula 45.4 peratus adalah kakitangan swasta, 27.2 peratus (bekerja sendiri), 10.2 peratus (kakitangan kerajaan) dan 6.3 peratus adalah tidak bekerja. Bagi pendapatan isi rumah pula, responden yang berpendapatan antara RM 700 hingga RM 1500 ialah 66.0 peratus, RM 1501-RM 2500 (19.4 peratus), RM 2501-RM 3500 (9.3 peratus) dan masing-masing 3.2 peratus bagi yang berpendapatan antara RM 3501-RM 4500 dan RM 4501 dan ke atas.

## Kemajuan Kluang

Bandar Kluang telah wujud seawal tahun 1910. Polisi kerajaan negeri yang menggariskan rancangan membangunkan tengah Johor dan Kluang sebagai pusat komunikasi telah menjadikan Kluang sebagai pusat pertumbuhan baru. Pembukaan ladang-ladang dan pembinaan landasan keretapi mendorong lebih ramai penduduk berhijrah dan mendiami bandar Kluang. Pada tahun 1920, dengan mempunyai 5000 orang penduduk, Lembaga Bandaran Kluang telah ditubuhkan dengan diketuai oleh seorang Merinyu Kesihatan. Mulai tahun 1932, Pegawai Daerah Kluang menyandang jawatan Presiden Lembaga Bandaran Kluang. Dalam tahun 1957, Lembaga Bandaran Kluang telah dinaik taraf kepada Majlis Bandaran Kluang dengan Pegawai Daerah Kluang sebagai Yang Di Pertua. Lima tahun kemudian pada tahun 1962, 5 buah Majlis Tempatan telah ditubuhkan iaitu Majlis Tempatan Kampung Paya, Majlis Tempatan Kampung Gajah, Majlis Tempatan Sri Lalang, Majlis Tempatan Chamek dan Majlis Tempatan Paloh.

Dengan langkah penyusunan semula Majlis Tempatan, maka pada tanggal 1.1.1997, Majlis Bandaran Kluang telah disatukan dengan 5 Majlis Tempatan yang lain bagi membentuk Majlis Daerah Kluang Utara di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Pentadbiran Majlis Daerah Kluang Utara telah diperluaskan dengan merangkumi kawasan seluas 126.5 km persegi dengan penduduknya melebihi 65,000 orang. Bandar Kluang terus berkembang maju di bawah pentadbiran Majlis Daerah Kluang Utara.

Dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun dan komitmen Kerajaan Negeri untuk membangunkan daerah Kluang, peranan Bandar Kluang sebagai pusat pertumbuhan kawasan tengah Johor semakin nyata. Sektor-sektor ekonomi semakin berkembang dengan pesat. Selain penempatan awal penduduk yang sedia ada, taman-taman perumahan baru terus dibangunkan. Pembinaan kompleks perniagaan di Pusat Bandar Kluang, pembangunan taman-taman perumahan baru dan pembukaan kawasan perindustrian menjadi penyumbang utama kepada perkembangan Bandar Kluang. Bilangan premis kediaman, perdagangan dan perindustrian bertambah dengan pesat. Bilangan keseluruhan pegangan terus meningkat dari 20,500 dalam tahun 1988 kepada 42,455 pegangan dalam tahun 2000. Peningkatan bilangan pegangan ini terus menyumbang kepada pertambahan hasil Majlis dari RM7.72 juta dalam tahun 1988 meningkat kepada RM16.6 juta dalam tahun 2000.

Pembangunan sektor perdagangan dan perindustrian pula telah menjadikan Kluang sebagai destinasi baru pelabur tempatan dan luar negara. Lebih dari 500 buah kilang berbagai jenis yang mengeluarkan produk untuk kegunaan tempatan dan eksport memenuhi 9 buah kawasan perindustrian utama. Antara kilang-kilang gergasi yang sedang beroperasi ialah kilang membuat jubin, kilang elektronik dan kilang membuat pakaian. Kini, Kluang terkenal sebagai pengeluar jubin bermutu tinggi yang terbesar di Malaysia disamping produk elektrik dan elektronik dan pakaian berjenama antarabangsa untuk pasaran dalam negeri dan eksport. Perkembangan sektor perumahan, industri, perdagangan dan perkhidmatan telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan yang menjadi punca kebanjiran penduduk di Bandar Kluang. Pada tahun 2000, penduduk Kluang telah meningkat kepada 155,000 orang. Untuk memenuhi keperluan penduduk yang bertambah, penyediaan kemudahan asas terus dipertingkatkan. Selain menaik taraf jalan-jalan raya utama dan rangkaian jalan bandar, sebuah terminal pengangkutan awam berharga RM5 juta telah dibina. Dibawah program penswastaaan Kerajaan Negeri, sebuah stadium sukan berharga RM 24 juta telah didirikan. Pembangunan pesat Bandar Kluang tidak dapat dibendung lagi. Penduduk Bandar Kluang terus menagih perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Struktur pentadbiran Majlis Daerah Kluang Utara memerlukan perubahan. Sebagai langkah merintis kearah perubahan corak pengurusanannya, jawatan Yang Di Pertua telah diisi dengan sepenuh masa oleh seorang pegawai tadbir Negeri Johor mulai 1.3.1999. Setelah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kerajaan Tempatan dengan persetujuan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia maka Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui ringkasan Mesyuarat Bil.86/2001 bertarikh 31 Januari 2001 telah mengambil keputusan menaik taraf Majlis Daerah Kluang Utara kepada Majlis Perbandaran yang dikenali dengan nama Majlis Perbandaran Kluang (<http://mpkluang.gov.my/web/guest/#>).

### **Perimeter pemilihan calon dan parti**

Responden ditanya mengenai perimeter pemilihan calon. Secara dominannya, 70.8 peratus responden menyatakan kriteria utama pemilihan calon dibuat berdasarkan pemimpin yang jujur dan amanah. Responden di Kluang juga mementingkan calon yang berjiwa/mesra rakyat dan bersih daripada rasuah (Lihat Jadual 1).

**Jadual 1. Kriteria pemimpin yang disokong oleh responden di Kluang**

Kriteria pemimpin yang disokong	Setuju (%)
Bersikap jujur, ikhlas dan amanah	70.8
Berlaku adil kepada semua pihak	60.4
Berkarisma atau mempunyai ketokohan	44.7
Bersih dari rasuah	40.9
Berpengetahuan, mengambil berat dan bertanggungjawab terhadap penyelesaian isu/masalah setempat	40.2
Berjiwa/mesra rakyat dan selalu turun padang	39.1
Berwawasan/berpandangan jauh	34.4
Mudah dihubungi	31.5
Mempunyai prinsip perjuangan yang teguh	30.4
Mengutamakan perpaduan kaum dan agama	24.6
Tahu mengaplikasi/menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat untuk kebaikan rakyat	20.8
Mempunyai kelayakan akademik yang tinggi (berijazah)	20.7
Patuh pada parti yang didokong	19.0
Berkemampuan menjelaskan isu nasional/negara	17.8
Mempunyai hubungan yang baik dengan agensi pelaksana/agensi kerajaan dan NGO	12.8
Berpengetahuan agama yang mendalam	12.8
Calon tempatan	12.4
Peka terhadap isu global/antarabangsa	11.8
Sebangsa	11.6
Muda	10.4

Bagi ciri parti politik yang dipilih, sebanyak 71.2 peratus responden menyatakan memilih parti politik yang mengutamakan rakyat, diikuti 59.1 peratus memilih parti yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan, hak asasi dan anti rasuah sebagai ciri utama. Kemudian diikuti parti yang memperjuangkan keadilan kepada semua pihak (Lihat Jadual 2). Mereka juga mahukan parti yang mempunyai calon yang dapat memelihara perpaduan kaum, berwibawa, bersih dan berpendidikan tinggi.

**Jadual 2. Kriteria parti politik yang dipilih oleh responden di Kluang**

Kriteria parti politik yang dipilih	Setuju (%)
Mengutamakan rakyat	71.2
Memperjuangkan isu kemanusiaan (ketelusan, keadilan, hak asasi manusia & anti rasuah)	59.1
Adil kepada semua pihak	56.7
Dapat mempertahankan agama & bangsa	48.8
Dapat menunaikan janji	45.2
Memperjuangkan bangsa	43.6
Mempunyai calon berkaliber, bersih & berpendidikan tinggi	37.4
Mampu menjana pembangunan & membasmi kemiskinan	34.2
Parti yang berpegang teguh pada prinsip perjuangan	30.0
Mempunyai agenda yang jelas serta berpandangan jauh	28.4
Menjaga perpaduan kaum dan penyatuan bangsa	24.8
Mempunyai trek rekod yang baik	22.2
Memperjuangkan isu alam sekitar	18.9

## Isu yang dibincangkan

Di Malaysia isu ekonomi dan kesejahteraan rakyat menjadi perbincangan umum pada masa kini. Rakyat Malaysia telah diajar untuk menilai pembangunan ekonomi dan modenisasi dan mereka hanya mempercayai parti pemerintah (BN) yang mampu menyediakan pembangunan ekonomi di bandar atau pun di luar bandar secara berterusan. Di kawasan Parlimen Kluang, isu paling hangat dibincangkan responden ialah pemulihan ekonomi/harga barangan/minyak (Lihat Jadual 3). Isu tersebut dialami oleh semua pihak dan melibatkan kesan berantai iaitu daripada kenaikan harga bahan api, tambang kenderaan, hartanah hinggalah harga barangan. Kesannya amat dirasai bagi golongan yang berpendapatan rendah sama ada di kampung atau di bandar. Masalah pekerjaan, kepimpinan, perumahan/petempatan dan rasuah juga menjadi topik perbualan harian mereka.

**Jadual 3. Isu yang dibincangkan oleh responden di Kluang**

Isu	(%)
Pemulihan ekonomi/harga barangan/minyak	53.6
Pekerjaan	37.2
Isu/masalah sosial	32.5
Petempatan/perumahan	28.1
Rasuah/salahguna kuasa	27.4
Pendidikan	26.0
Alam sekitar	24.0
Isu pembangunan setempat	22.2
Kestabilan & perpaduan	17.1
Isu kepimpinan	15.2
Isu tanah	6.3
Isu air	0.1

## Pendapat politik di Kluang

Dari segi pandangan responden mengenai isu politik semasa, data pada Jadual 4 menunjukkan majoriti responden (95.0 peratus) menyatakan rakyat menyokong program kerajaan untuk memantapkan agenda pembangunan negara. Seterusnya 90.0 peratus rakyat menilai semula apa yang disampaikan dalam kempen pilihan raya parti-parti politik dan 87.8 peratus menyatakan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dapat memfokuskan usaha kerajaan untuk memantapkan pembangunan negara. Seterusnya, 83.2 peratus responden menyatakan gagasan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh rakyat. Namun terdapat segelintir rakyat yang tidak menyokong Kerajaan kerana berpendapat kerajaan tidak menunaikan janji ketika kempen pilihan raya, dipinggirkan kerajaan, situasi ekonomi yang tidak stabil kerana tidak ditangani kerajaan dengan baik, kronisme dalam urusan kerajaan dan pemimpin kurang mendekati rakyat.

Mengenai pendapat terhadap tahap prestasi kepimpinan, 74.2 peratus responden di Kluang menyatakan prestasi kepimpinan di peringkat Nasional/Negara adalah baik (Lihat Jadual 5). Persepsi tersebut membuktikan keyakinan responden terhadap Perdana Menteri, Dato’ Sri Mohd. Najib Tun Hj. Abdul Razak. Rakyat di kawasan Parlimen Kluang meletakkan harapan yang tinggi kepada Perdana Menteri kerana mereka yakin beliau dapat membela nasib rakyat seterusnya meningkatkan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) kerajaan BN untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik dan membangunkan kawasan bandar di Kluang khasnya dan di peringkat nasional lainnya. Beberapa dasar yang diperkenalkan oleh beliau dilihat mengutamakan rakyat. Gagasan “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, “Indeks Petunjuk Prestasi (KPI)”, “Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)”, “Model Ekonomi Baru (MEB)” dan “Model Politik Baru (MPB)” diterima oleh rakyat sebagai dasar yang mengutamakan kebajikan dan keperluan rakyat dalam jangka masa panjang.

**Jadual 4. Persetujuan pendapat politik di Kluang**

Pernyataan	(%) setuju
Rakyat menyokong program kerajaan untuk memantapkan agenda pembangunan negara	95.0
Menilai semula apa yang disampaikan dalam kempen pilihan raya parti-parti politik	90.0
Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dapat memfokuskan usaha Kerajaan untuk memantapkan pembangunan negara	87.8
Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) dapat memacu projek pembangunan ekonomi negara	86.5
Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan menteri adalah baik & mempengaruhi sokongan rakyat kepada Kerajaan	86.3
Rancangan Malaysia Kesepuluh (RM10: 2011-2015) dapat memakmurkan ekonomi rakyat dan mewujudkan keadilan sosial	86.2
Model Ekonomi Baru (MBE) dapat memacu ekonomi negara untuk mencapai Wawasan 2020	86.0
Program Transformasi Ekonomi (PTE/ETP) dapat memperkukuhkan ekonomi rakyat dan Kerajaan	85.6
Program Transformasi Kerajaan (PTK/GTP) dapat mempercepatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam	84.1
Keprihatinan Kerajaan terhadap kebajikan dan pandangan rakyat menyebabkan rakyat menyokong Kerajaan	84.1
“1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong dan dihayati oleh rakyat	83.2
Informasi dari Internet mempengaruhi kecenderungan politik rakyat	82.1
Polisi/pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat	80.2
Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menjalankan tugasnya dengan baik dan berkecuali	80.0
Kepimpinan kawasan Kluang perlu dikekalkan kerana telah memberikan perkhidmatan yang baik	79.9
Kurang berkesan Kerajaan menangani rasuah dan politik wang menyebabkan rakyat kurang menyokong Kerajaan	77.3
Rakyat menyokong Kerajaan kerana peluang pekerjaan banyak diwujudkan dan menolong golongan miskin di bandar dan luar bandar	74.8
Pembangunan di kawasan tempat tinggal anda ini memuaskan hati responden	74.3

**Jadual 5. Tahap prestasi kepimpinan (%)**

Kepimpinan	Sangat Baik	Baik	Sederhana	Lemah
Kepimpinan Nasional/Negara	25.4	48.7	23.3	2.6
Kepimpinan Negeri Johor	18.0	54.1	27.2	0.7
Kepimpinan Parlimen Kluang	10.0	56.0	32.0	2.0
Kepimpinan DUN Mengkibol	6.8	52.2	41.0	0.0
Kepimpinan DUN Mahkota	12.3	57.3	26.7	3.7

## Pilihan raya

Responden di kawasan Parlimen Kluang turut ditanya perkara berkaitan dengan pilihan raya. Mengenai pelaksanaan janji pilihan raya umum 2008 oleh wakil rakyat/Kerajaan di Kluang, 49.9 peratus responden menyatakan bahawa hanya sebahagian sahaja perkara yang dijanjikan telah dilaksanakan manakala 8.8 peratus menyatakan janji pilihan raya umum 2008 telah dilaksanakan sepenuhnya, manakala 26.7 peratus menyatakan tidak pasti dan 14.6 peratus responden menyatakan janji pilihan raya tersebut belum dilaksanakan lagi.



Mengenai parti politik yang akan diundi oleh responden pada pilihan raya umum ke-13 akan datang, majoriti responden di Kluang (lihat Jadual 6) menyatakan akan mengundi BN berdasarkan kepada pengalaman dan kecemerlangan BN dalam memacu kemajuan negara dan masyarakat selama ini. Responden memilih parti BN sebagai pemenang kerana mereka menganggap parti BN/Perikatan telah mempunyai trek rekod pemerintahan yang berjaya sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menyatukan semua kaum sejak sekian lama. Bagi mereka yang menyokong BN juga berpandapat bahawa BN sudah teruji dan terbukti berjaya memajukan bangsa, agama dan negara dengan mengambil kira toleransi, hormat-menghormati dan perpaduan antara kaum dan agama berlandaskan prinsip Rukunegara dan Perlembagaan Persekutuan.

**Jadual 6. Parti politik yang akan diundi oleh responden di kawasan Parlimen Kluang pada pilihan raya umum ke-13 akan datang (%)**

Parti	DUN Mengkibol	DUN Mahkota	Parlimen Kluang
BN	67.8	58.3	60.8
Pakatan Rakyat	32.2	41.7	39.2

Faktor lain yang menyumbang kepada keyakinan responden di Kluang kepada BN adalah disebabkan pengundi masih yakin terhadap BN dengan dasar politik yang bertunjangkan politik pembangunan. Isu/sentimen yang dimainkan pembangkang tidak diterima baik pengundi. Keberkesanan jentera kempen BN yang cukup efektif berbanding jentera kempen pembangkang juga tidak boleh dinafikan lagi. Ini ditambah lagi dengan barisan calon BN yang lebih berwibawa, berpengalaman dan berkelulusan tinggi. Kesepakatan amat longgar dalam kalangan pembangkang juga menyumbang kepada sokongan padu kepada BN. Sokongan padu kepada BN dikukuhkan lagi dengan senario politik semasa seperti kepincangan politik dalaman parti-parti dalam Pakatan Rakyat iaitu PKR yang sedang dibelenggu dengan gejala lompat parti oleh 5 ahli Parlimen (kawasan Bayan Baru dan Nibong Tebal di Pulau Pinang; Kulim Bandar Baharu di Kedah; Wangsa Maju di Kuala Lumpur; dan Bagan Serai di Perak) dan 4 ADUNnya (kawasan Changkat Jering dan Behrang di Perak; Lunas dan Sidam di Kedah; dan Pelabuhan Klang di Selangor) serta pergolakan dan perpecahan dalam kalangan pemimpin yang berlaku akibat pemilihan di peringkat cabang/bahagian yang telah berlangsung; manakala PAS pula digasak dengan kewujudan 2 kem iaitu kem yang menyokong pakatan politik antara PAS, PKR dan DAP serta kem 'kerajaan perpaduan' dengan UMNO/BN atas nama perpaduan Melayu dan Islam; DAP pula terhimpit dengan krisis wakil rakyatnya yang keluar parti iaitu ADUN Jelapang (Hee Yit Fong) dan Malim Nawar (Keshvinder Singh) di Perak dan pergolakan kepimpinan dalaman ketika pemilihan DAP negeri di Perak dan Selangor; serta krisis kepimpinan dan isu dasar pemerintahan Pakatan Rakyat di negeri Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan turut mempengaruhi sokongan dan keyakinan pengundi pada PRU akan datang.

## Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa pembangunan kawasan Bandar Kluang telah melalui evolusi yang menarik, bermula sebagai sebuah kawasan perkampungan terpencil, kemudian berkembang kepada pekan kecil dan kini menjadi bandar yang moden serta mempunyai pelbagai kemudahan sosial dan ekonomi yang dapat mempercepatkan lagi urusan harian penduduk setempat. Responden di bandar Kluang inginkan keperluan mereka dipenuhi dari semua aspek terutamanya aspek ekonomi, pendidikan, sosial, kebebasan bersuara serta berpolitik serta suasana persekitaran yang bersih, selesa dan tenang. Responden juga menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan negara dan sebahagian besarnya menyatakan bahawa gagasan "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh rakyat. Dari aspek governans pula, majoriti menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan Menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan dan

polisi/pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat. Merujuk kepada parti politik yang akan diundi pada pilihan raya umum akan datang, responden di kawasan Parlimen Kluang menyatakan akan terus mengundi BN di Parlimen Kluang dan mereka menjangkakan BN akan terus menerajui negeri Johor dan Malaysia.

## Rujukan

<http://mpkluang.gov.my/web/guest/#> (atas talian).

Pemerhatian di Lapangan. (DUN Mengkibol – Daerah mengundi Ladang Coronation, Pekan Sri Lalang, Ladang Mengkibol, Mengkibol Barat, Mengkibol Timor, Taman Kurnia, Bakar Sampah, Lambak, Yap Tau Sah, Padang Tembak, Jalan Mersing, Jalan Johor Tenggara, Ladang Lambak, Ladang Bukit Benut, Kampung Gunung Lambak dan Taman Megah; DUN Mahkota – Daerah mengundi Kampong Melayu, Kampong Tengah, Kampong Paya, Taman Lian Seng, Haji Manan, Mesjid Lama, Bandar Tengah, Taman Ilham, Dorset, Taman Berlian, Jalan Hospital, Taman Kerjasama dan Kampung Baru). 21 Januari - 27 Februari 2011.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1955*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1959*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1964*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1969*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1974*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1978*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1982*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1986*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1990*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1995*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1999*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 2004*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur, Malaysia.